

Sekitar majlis konvokesyen ke 13 Unimas



UNTUK KENANGAN ... Canselor UNIMAS, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin bersama Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor, merakamkan gambar kenangan bersama penerima Anugerah Khas, selepas Majlis Konvokesyen Ke-13 UNIMAS, di Kota Samarahan, baru-barulini.



KEJAYAAN KAMI ...
Sebahagian daripada graduan meraikan kejayaan mereka selepas Majlis Konvokesyen Ke-13 UNIMAS, di Kota Samarahan, baru-baru ini.



TAHANIAH ... Pro-Canselor UNIMAS merangkap Ketua Menteri, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menganugerahkan ijazah kepada seorang graduan.

UTUSAN SARAWAK
(ISNIN, 10/8/2009) P.7

9 pelajar UNIMAS terima anugerah cemerlang

UK 10/8/09 p.7

KOTA SAMARAHAN, Ahad — Sera-mai sembilan pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima anugerah kecemerlangan masing-masing menerusi Malam Anugerah UNIMAS (MAPU).

Pada majlis yang gilang-gemilang yang diadakan malam tadi, 12 kategori berkumpulan dari setiap fakulti menara gading itu turut menerima anugerah masing-masing.

Anugerah itu adalah daripada 21 bagi sesi 2008/2009 yang disedi-

akan dalam MAPU sebagai usaha menara gading itu untuk meningkatkan semangat bersaing dalam kalangan rakan-rakan pelajar dan semua organisasi di dalam UNIMAS.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah menyampaikan anugerah berke-naan kepada penerima.

Turut hadir pada majlis itu ia-lah, Naib Canselor UNIMAS Profesor Dr Khairuddin Abdul Hamid

dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Mohd Norhayattudin Mohd Yaacob.

Saifuddin dalam ucapan ringkasnya pada majlis itu berkata, kecemerlangan tidak harus dilihat dari sudut akademik sahaja, malah nilai-nilai kemahiran insaniah perlu dikuasai oleh pelajar.

Menurutnya, nilai-nilai sedemikian perlu ada pada seorang pelajar sebagai persiapan untuk menghadapi hari pekerjaan.

Bagaimanapun beliau meng-harapkan supaya anugerah yang diterima sebagai aspirasi kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh universiti pada masa ini.

Saifuddin turut memberikan dorongan kepada pelajar lain supaya kejayaan rakan mereka pada malam ini dijadikan sebagai pembakar semangat untuk mendapatkan anugerah serupa pada masa akan datang.